

# Persiapan akibat kemarau di Kedah

# BEKALAN BERAS NEGARA DITOKOK

**JUMLAH** simpanan beras negara akan ditambah bagi menghadapi bencana kemarau yang berlaku sekarang, demikian diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, (Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Keputusan ini dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai bahan-bahan perlu yang dipengerusikan oleh beliau dalam mesyuaratnya di Bilik Gerakan, Jabatan Perdana Menteri pagi ini.

Dr. Mahathir berkata, "Kita telah memutuskan un-

**KUALA LUMPUR, Sabtu.**

tuk menambah jumlah simpanan beras negara, tetapi saya tidak dapat memberitahu bentuk dan jumlahnya."

Langkah itu diambil memandangkan kemungkinan keadaan kemarau di Kedah sekarang boleh menimbulkan masalah kekurangan bekalan beras.

Dr. Mahathir bercakap kepada para pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Luar Australia, Encik Andrew Peacock di pejabatnya.



DR. MAHATHIR

Beliau memberitahu, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan Perbendaharaan akan membuat kajian lanjut berhubung dengan soal kewangan dalam usaha menambah simpanan beras negara itu.

Dr. Mahathir menyatakan, LPN dan Perbendaharaan akan menyediakan satu kertas-kabinet berhubung dengan perkara tersebut.

### Hujan tiru

Mesyuarat jawatankuasa itu juga membincangkan secara mendalam langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah kemarau di kawasan persawahan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang menjejaskan pengeluaran hasil padi yang banyak.

Menurut Dr. Mahathir, berbagai masalah yang timbul berikutan bencana kemarau di Ke-

dah itu dan salah satu daripadanya ialah menjejaskan pendapatan petani-petani dan kemerosotan pengeluaran hasil padi.

Katanya lagi, jawatankuasa itu dalam mesyuaratnya pagi ini telah membincangkan berbagai perkara untuk mengatasi masalah itu.

Beliau mengumumkan, sebuah jawatankuasa sementara telah ditubuhkan untuk

mengkaji cara-cara membuat hujan tiruan bagi mengatasi masalah kemarau di Kedah.

Jawatankuasa yang diketuai oleh Pengerusi MADA, Datuk Syed Nahr Shahabuddin itu mengandungi anggota-anggota dari Kementerian-kementerian Pertahanan dan Pertanian, Jabatan Kaji-cuaca dan Universiti Malaya.

Menurut Dr. Mahathir, sebelum ini, Jaba-

tan Kaji-cuaca mahu menembak awan dengan bahan kimia untuk menurunkan hujan di kawasan-kawasan terlibat, tetapi tidak ada awan hendak ditembak dan sekarang jabatan itu telah diberitahu mereka boleh berbuat demikian.

Kata Dr. Mahathir, beliau telah diberitahu oleh para pegawai Jabatan Kaji-cuaca di mesyuarat tersebut, bahawa awan boleh dibuat dan kemudian dipecahkan.